

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN MORDI BIMOL (MAS GADING)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan jumlah peruntukan yang disalurkan untuk kebajikan pesara tentera seluruh Malaysia dan apakah tindakan Kerajaan bagi membantu pesara tentera warga emas yang tiada pendapatan bulanan.

**JAWAPAN**

Kementerian Pertahanan melalui Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV ATM) telah diperuntukan sejumlah RM98.42 juta bagi tahun 2019 untuk tujuan bantuan kebajikan kepada veteran. Bantuan-bantuan yang disediakan adalah seperti:

1. Bantuan Sara Hidup (BSH);
2. Bantuan Persekolahan/Kolej Vokasional Kebangsaan (KVK);
3. Bantuan Kemasukan Ke Institusi Pengajian Tinggi Awam/ Politeknik;
4. Bantuan Perubatan;
5. Bantuan Peralatan Pesakit;
6. Bantuan Bencana Alam; dan
7. Bantuan Pengurusan Jenazah.

Daripada tujuh (7) jenis bantuan yang disediakan ini, Bantuan Sara Hidup (BSH) merupakan salah satu daripada program bantuan kewangan yang disalurkan kepada veteran ATM, balu serta anak-anak yatim veteran ATM supaya dapat meringankan beban kos sara hidup Veteran ATM dan tanggungan mereka yang daif, uzur, hilang upaya dan menghidap penyakit kronik berdasarkan kelayakan kiraan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang telah ditetapkan. Kadar bantuan yang diberikan adalah sebanyak RM300 sebulan.

BSH diberikan kepada veteran yang berumur 60 tahun ke atas dan tidak mempunyai pendapatan atau pendapatan di bawah PGK. Pada tahun 2018, pihak Kementerian telah membelanjakan sebanyak RM21.11 juta dengan jumlah penerima seramai 6,020 orang.

Bantuan ini juga diberikan kepada pesara tentera yang hilang upaya, menghidapi penyakit kronik tanpa mengira umur. BSH juga dipanjangkan kepada bala veteran yang berada di bawah paras garis kemiskinan dan anak yatim veteran yang berumur 18 tahun ke bawah atau 23 tahun ke bawah sekiranya masih belajar.

Sekiranya veteran berkenaan mempunyai anak yang bersekolah atau menuntut di institut pengajian tinggi (IPT), anak veteran ini juga layak untuk menerima Bantuan Persekolahan dan Bantuan Kemasukan IPT.

Pihak Kementerian akan terus membuat cadangan bagi penambahbaikan skim kebajikan veteran ATM dari semasa ke semasa. Walau bagaimanapun, ianya perlu berdasarkan kepada peruntukan undang-undang yang sedang berkuat kuasa serta diimbangi dengan kemampuan kewangan kerajaan.